

05 AUG 1998

LEAD Mahathir-Buku

DR MAHATHIR LANCAR KEMPEN DERMA BUKU UNTUK KAWASAN LUAR BANDAR

KUALA LUMPUR, 5 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini merasmikan Kempen Derma Buku yang bertujuan mengumpul lebih sejuta buku untuk diagihkan ke kawasan luar bandar termasuk rumah panjang serta estet, rumah orang tua dan pusat pemulihan dadah.

Dalam perutusannya menerusi buku cenderamata sempena pelancaran itu, Dr Mahathir berkata walaupun Malaysia boleh berbangga dengan kadar celik huruf yang tinggi 93 peratus, namun kajian menunjukkan purata rakyat negara ini membaca dua buah buku sahaja setahun.

"Ini bererti tabiat membaca di kalangan masyarakat Malaysia masih berada di tahap yang rendah dan oleh itu, usaha yang lebih giat dan serius untuk menanam sikap suka membaca perlu dijalankan," katanya.

Katanya pelancaran kempen buku itu diharap dapat menambah koleksi buku dan bahan bacaan yang berguna dan diperlukan oleh masyarakat luar bandar, kawasan pedalaman serta rumah kebajikan.

"Saya menyeru semua pihak supaya tampil ke hadapan menyumbang dan menderma buku sebagai satu usaha murni dalam memenuhi tanggung jawab sosial," katanya.

Pada majlis itu yang diadakan di stesen minyak Petronas Sri Hartamas, Dr Mahathir memulakan program kutipan buku selama dua bulan itu dengan menderma 12 buah buku yang diletakkan dalam kotak pungutan di

Buku-buku yang didermakan oleh Dr Mahathir termasuk Gone With The Wind, A Safe Area, Islam and The Economic Challenge dan Mastering Modern English Usage.

Turut memberikan sumbangan ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan menteri-menteri Kabinet.

Melalui kempen itu, orang ramai boleh meninggalkan buku-buku baru atau terpakai di mana-mana stesen servis Petronas atau pejabat Pos Malaysia di seluruh negara.

Kempen itu yang akan berakhir pada 30 Sept dianjurkan bersama oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Petronas, Pos Malaysia, Perpustakaan Negara dan Radio Dan Televisyen Malaysia dan ASTRO.

Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa berkata kempen itu bertujuan mengumpul lebih sejuta buku untuk diagihkan.

Annuar berkata kementerian berharap dapat menambah jumlah perpustakaan desa daripada 200 sekarang kepada 1,000 menjelang akhir tahun ini.

Kempen derma buku itu juga akan dipertimbang untuk dijadikan acara tahunan setiap bulan Ogos sebagai Bulan Membaca dan bulan September sebagai Bulan Kempen anti-Buta huruf.

-- BERNAMA

MAM NMO